

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya mohon untuk turut menjawab bersekali soalan daripada Yang Berhormat Libaran pada 3 April 2014 nombor 69, memandangkan soalannya berkisar isu yang sama.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pertandingan '*Rural Business Challenge*' (RBC) 2012 telah berjaya mewujudkan hampir **400 peluang** pekerjaan baru sama ada secara langsung maupun tidak langsung terutamanya kepada belia luar bandar dengan jumlah pendapatan bulanan **sebanyak RM700 hingga RM2500 sebulan**. Disamping itu, lebih 50 orang usahawan baru telah diwujudkan melalui pemenang-pemenang RBC ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, seramai 31 orang belia telah berjaya memenangi pertandingan ini sejak dua (2) tahun penganjurannya bermula pada tahun

2012, dimana enam (6) orang dari Perak (RM6.8juta), tiga (3) orang masing-masing dari Selangor (RM3.5juta) dan Pahang (RM3.05juta), tujuh (7) orang dari Sabah (RM2.9juta), tiga (3) orang dari Kedah (RM2.5juta), dua (2) orang masing-masing dari Terengganu (RM2.5juta) dan Kelantan (RM2.3juta), tiga (3) orang dari Johor (RM1.55juta) dan seorang (1) masing-masing dari Melaka (RM750ribu) dan Pulau Pinang (RM300ribu).

| BIL. | NEGERI | JUMLAH PEMENANG (2012 & 2013) | JUMLAH NILAI GERAN KEMENANGAN (RM) |
|-------------|---------------|--|---|
| 1. | Perak | 6 | 6,800,000 |
| 2. | Selangor | 3 | 3,500,000 |
| 3. | Pahang | 3 | 3,050,000 |
| 4. | Sabah | 7 | 2,900,000 |
| 5. | Kedah | 3 | 2,500,000 |
| 6. | Terengganu | 2 | 2,500,000 |
| 7. | Kelantan | 2 | 2,300,000 |
| 8. | Johor | 3 | 1,550,000 |
| 9. | Melaka | 1 | 750,000 |
| 10. | Pulau Pinang | 1 | 300,000 |
| | JUMLAH | 31 | 26,150,000 |

Pertandingan Rural Business Challenge (RBC) ini telah berjaya menarik minat sejumlah 769 penyertaan

dari golongan belia seluruh Malaysia semenjak dua (2) tahun penganjurannya bermula pada tahun 2012. Daripada jumlah tersebut sebanyak 52 penyertaan datang dari negeri Sabah sahaja, dimana seramai tujuh (7) orang daripadanya telah berjaya memenangi geran perniagaan berjumlah RM2.9 juta, untuk makluman Yang Berhormat Libaran.